

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
(STAMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.05.2015

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah rakyat Sarawak yang akan mencatat umur 55 tahun pada 2015 dan boleh mengeluarkan duit daripada KWSP serta yang mencatat umur 55 tahun pada 2016, 2017, 2018, 2019 dan 2020. Senaraikan jumlah wang yang boleh dikeluarkan oleh penuntut pada setiap tahun tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak menyimpan data mengenai jumlah rakyat Sarawak yang berumur 55 tahun. Walau bagaimanapun, KWSP mempunyai data mengenai bilangan pekerja di negeri Sarawak yang mencarum dan akan mencapai umur 55 tahun. Bilangan ahli KWSP yang mencarum dan akan mencapai umur 55 tahun di negeri Sarawak pada tahun 2015 adalah seramai 5,660 ahli. Pada tahun 2016 pula adalah seramai 6,102 ahli dan meningkat kepada 6,929 ahli pada tahun 2017. Pada tahun 2018 adalah seramai 6,933 ahli, tahun 2019 seramai 7,714 ahli dan pada tahun 2020 adalah seramai 7,866 ahli di Sarawak yang mencarum dan akan mencapai umur 55 tahun.

KWSP tidak dapat memberikan maklumat mengenai jumlah wang yang boleh dikeluarkan oleh penuntut pada setiap tahun kerana ianya bergantung kepada jumlah caruman yang dibuat dan kadar dividen yang diisytiharkan oleh KWSP mengikut tahun-tahun yang dinyatakan.